

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN  
TAHUNAN KOPUTRA KE-38**

**8 JUN 2024 (SABTU)**  
**9.15 PAGI**  
**HOTEL SUMMIT USJ, SUBANG JAYA,**  
**SELANGOR**

Assalamualaikum  
Wabarakatuh,

Warrahmatullahi

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Koperasi.

1. Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam majlis pada pagi ini. Saya ingin merakamkan ucapan

terima kasih kepada barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) di atas undangan kepada saya, untuk merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-38 KOPUTRA pada pagi ini.

**2.** Sesungguhnya jemputan ini telah memberi peluang kepada saya untuk bertemu dengan tuan-tuan yang merupakan tenaga penggerak utama Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA) dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan serta puan – puan di

atas kejayaan mengadakan mesyuarat agung pada kali ini sepertimana yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan koperasi di negara kita.

**Para hadirin hadirat dihormati,**

3. Mesyuarat Agung ini menandakan satu lagi tonggak bersejarah dalam perjalanan KOPUTRA. Ia adalah platform untuk kita bersama-sama menilai pencapaian kita sepanjang tahun lalu, merancang strategi masa depan, dan mengukuhkan lagi hubungan antara ahli.

4. Dengan keadaan ekonomi semasa pada masa kini, semua koperasi termasuk KOPUTRA perlu komited untuk membangunkan perniagaan sedia ada mahupun meneroka bidang baharu. Keadaan ekonomi yang berubah memerlukan koperasi untuk sentiasa mengambil langkah proaktif dalam



mengadaptasi strategi dan pendekatan yang sesuai.

5. Ini bukan sahaja penting untuk memastikan kelangsungan perniagaan, tetapi juga untuk membuka peluang baharu yang boleh membawa manfaat jangka panjang kepada ahli-ahli

koperasi. Di samping itu, penerokaan bidang baharu adalah penting untuk memastikan koperasi tidak ketinggalan dalam arus perkembangan ekonomi global. Ini termasuk melibatkan pelaburan Baharu dalam sektor yang berpotensi tinggi seperti teknologi maklumat, pertanian moden, tenaga

hijau, dan perkhidmatan kewangan. Dengan diversifikasi perniagaan, koperasi dapat mengurangkan risiko dan meningkatkan peluang untuk pertumbuhan yang lebih mampan.

6. Perniagaan yang dijalankan atau dicadangkan harus menerapkan

digitalisasi dalam pengoperasian mereka agar dapat beradaptasi dengan keadaan semasa yang mana telah mengubah tabiat dan gaya hidup manusia.

7. Oleh yang demikian, koperasi juga perlu bersama-sama melakukan transformasi

ke arah perniagaan digital iaitu jualan dan belian di dalam talian agar selaras dengan perkembangan teknologi masa kini bagi meningkatkan perolehan koperasi disamping mengekalkan kedudukan dan keupayaan operasi koperasi.

## **Para hadirin hadirat dihormati,**

8. ANGKASA mempunyai harapan yang tinggi agar koperasi di Malaysia berkembang maju dalam perniagaan dalam sektor berimpak tinggi supaya dapat menjana sosioekonomi anggota dan seterusnya memberi sumbangan

yang lebih besar kepada Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK).

9. ANGKASA sebagai badan puncak yang memayungi 15,809 buah koperasi di seluruh negara komited memainkan peranannya dalam memastikan kesinambungan dan perkembangan

gerakan koperasi seperti yang terkandung dalam Dasar Koperasi Malaysia (DaKOM) 20230. Dengan tanggungjawab yang besar ini, ANGKASA sentiasa komited untuk menyediakan bimbingan, sokongan, dan sumber yang diperlukan oleh setiap koperasi di negara ini.



10. Ini termasuklah menjadi suara gerakan koperasi baik di peringkat nasional mahupun global. di mana ANGKASA aktif dalam memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan dan hak koperasi. Dengan memainkan peranan ini, ANGKASA berusaha memastikan bahawa dasar kerajaan

dan undang yang digunapakai mengambil kira keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi.

11. Di peringkat nasional, ANGKASA sentiasa berdialog dengan pihak kerajaan, badan-badan berkaitan, dan sektor swasta dengan tujuan

membentuk ekosistem yang kondusif bagi pertumbuhan koperasi. Ini melibatkan advokasi untuk insentif fiskal, akses kepada pembiayaan, serta sokongan untuk pembangunan kapasiti dan inovasi dalam koperasi. ANGKASA juga bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk memastikan bahawa

program pembangunan koperasi dilaksanakan dengan efektif dan memberikan dampak positif kepada ahlinya.

12. Di peringkat global, ANGKASA aktif dalam rangkaian koperasi antarabangsa seperti International

Cooperative Alliance (ICA) dan organisasi serantau lain, di mana kita terlibat secara langsung dalam perbincangan dan inisiatif yang memajukan gerakan koperasi di seluruh dunia. Melalui keterlibatan ini, ANGKASA semestinya memberi penekanan kepada keistimewaan produk dan

perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi di Malaysia dalam usaha mempromosikannya.

13. Dengan menjadi suara koperasi di kedua-dua peringkat ini, ANGKASA memastikan bahawa koperasi di Malaysia bukan sahaja mendapat

pengiktirafan dan sokongan yang sewajarnya tetapi juga mampu untuk terus relevan dan kompetitif dalam dunia perniagaan yang semakin hilang sempadan globalnya dan dinamik. Melalui usaha berterusan ini, ANGKASA bertekad untuk memastikan bahawa gerakan koperasi terus memberikan

sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

**Para hadirin hadirat dihormati,**

**14.** Saya dimaklumkan dalam laporan kewangan KOPUTRA bagi tahun 2023



jumlah modal syer dan yuran anggota terkumpul ialah RM44.2 juta dengan RM33.85 juta dari modal yuran dan RM10.39 juta modal syer. Perkembangan ini sebenarnya merupakan impak positif kepada imej gerakan koperasi masa kini. Gambaran yang baik ini adalah merupakan hasil

usaha tuan-tuan sebagai tenaga penggerak koperasi.

**15.**Tuan – tuan dan puan - puan perlu memikirkan bagaimana kita dapat menggerak dan menggembeling sumber dana yang besar ini supaya ia dapat menjana pendapatan dan

perkembangan koperasi secara keseluruhannya.

**16.** Saya turut difahamkan perniagaan Ar Rahnū & Emas KOPUTRA kini semakin berkembang dan maju. Sehingga kini, KOPUTRA telah memiliki lima buah cawangan Ar Rahnū & Emas yang

terletak di Wisma 1, Wisma 2, Bandar Baru Bangi ,Setia Alam & Selayang. Syabas dan Tahniah sekali lagi saya ucapkan atas pencapaian ini !

**17.** Saya juga ingin melihat supaya pendokong dan penggerak koperasi KOPUTRA turut berperanan sebagai

agen penyampaian maklumat positif kepada masyarakat keseluruhannya bagi menunjukkan pentingnya berkoperasi dan manfaat yang akan dinikmati oleh semua pihak khususnya kepada pembangunan sosiekonomi yang lebih sejahtera untuk rakyat

Malaysia.

**Para hadirin hadirat dihormati,**

**18.** Akhir kata, saya mendoakan agar KOPUTRA akan terus maju jaya dan cemerlang pada masa hadapan. ANGKASA akan sentiasa memberi

sokongan kepada usaha yang dijalankan oleh KOPUTRA selagi mana ia mendatangkan manfaat bukan sahaja kepada anggota malah kepada gerakan koperasi secara keseluruhan.

**19.** Semoga setiap keputusan yang diambil dalam mesyuarat ini akan mampu

direalisasikan sebaiknya dan menjadi asbab kejayaan KOPUTRA dalam landskap ekonomi negara. Dengan komitmen dan kerjasama yang berterusan, saya yakin kita mampu menghadapi cabaran yang mendatang dan mencapai kejayaan yang lebih besar InsyaAllah.



Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPUTRA ke-38.

Sekian terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.